

MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

1 JAM

1249/1

SEJARAH

Kertas 1

ARAHAN :

1. **Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.**
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.
3. Jawab **semua** soalan.
4. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

NAMA :

TINGKATAN :

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

1249/1

[Lihat halaman sebelah

- 1 Antara yang berikut, yang manakah merupakan ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu?
- A Sempadan
 - B Undang-undang
 - C Lambang negara
 - D Kedaulatan
- 2 Maklumat berikut berkaitan peranan nakhoda yang terkandung dalam Undang-Undang Laut Melaka.

Menurut Fasal 13.3, nakhoda perlu bermesyuarat dengan semua orang di dalam kapal sekiranya nakhoda hendak singgah di tempat yang tidak ada dalam senarai persinggahan.

Mengapakah nakhoda perlu berbuat demikian?

- A Menyelesaikan masalah
 - B Mendapatkan persetujuan
 - C Mengukuhkan kedaulatan
 - D Mewujudkan keharmonian
- 3 Semangat *bushido* dijadikan asas membina nasionalisme dalam kalangan rakyat dan pemerintah Jepun.
- Apakah yang ditekankan dalam semangat tersebut?
- A Sanggup menanggung risiko
 - B Tabah menghadapi cabaran
 - C Peka terhadap perubahan
 - D Berani memberi idea


- 4 Tokoh berikut merupakan lepasan Maktab Melayu Kuala Kangsar.



Raja Chulan Raja Abdullah

Apakah tuntutan tokoh tersebut terhadap British?

- A Memperbaik taraf hidup orang Melayu
 - B Mengurangkan kemasukan orang dagang
 - C Mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu
 - D Mengukuhkan sistem pendidikan kebangsaan
- 5 Apakah kesan Perang Dunia Pertama terhadap negara kita?
- A Pengeluaran bijih timah merosot
 - B British memanipulasi ekonomi negara
 - C Pentadbiran ketenteraan dilaksanakan
 - D Askar Melayu terlibat dalam perang
- 6 Berikut merupakan mata wang yang diperkenalkan oleh Jepun.



Wang pokok pisang

Apakah kesan mata wang ini dicetak secara tidak terkawal?

- A Pokok pisang ditanam berleluasa
- B Catuan makanan dilaksanakan
- C Ekonomi berkembang maju
- D Kadar inflasi meningkat

- 7 Gambar berikut merupakan pegawai British yang tiba di Tanah Melayu pada 11 Oktober 1945.



Sir Harold MacMichael

Apakah peranan pegawai tersebut?

- A Menghapuskan pengaruh komunis
 B Memulihkan kepercayaan rakyat
 C Mendapatkan tandatangan sultan
 D Mewujudkan pentadbiran yang licin
- 8 Datu Patinggi Abang Haji Abdillah telah menentang penyerahan Sarawak kepada British. Mengapakah beliau menentang penyerahan tersebut?
- I Berjuang mempertahankan pentadbiran tradisional
 II Menolak sistem pentadbiran British
 III Bertentangan dengan Perlembagaan 1941
 IV Mengetepikan surat wasiat Charles Brooke
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 9 Berikut merupakan cadangan alternatif Perjanjian Persekutuan 1948.

- Kedudukan bahasa Melayu
- Pertahanan dan hal ehwal luar negeri
- Syarat kewarganegaraan
- Bendera dan lagu kebangsaan

Pertubuhan manakah yang telah memberi cadangan tersebut?

- A United Malays National Organisation (UMNO)
 B Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA)
 C All Malaya Council of Joint Action (AMCJA)
 D Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA)

10 Berikut adalah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara. Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa.

Apakah nilai yang boleh dipelajari daripada peristiwa tersebut?

- A Kejujuran
 - B Bekerjasama
 - C Bertolak ansur
 - D Bertanggungjawab
- 11 Jawatankuasa Eksekutif Pusat Parti Komunis Malaya (PKM) ingin menubuhkan Republik Komunis di Tanah Melayu.
Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai?
- A Melancarkan perjuangan bersenjata
 - B Menyebarkan propaganda di akhbar
 - C Menangkap pemimpin yang menentang
 - D Memaksa sultan menandatangani dokumen
- 12 Bagaimanakah penguatkuasaan Undang-Undang Darurat dilaksanakan di negara kita?
- I Mengetatkan undang-undang bersenjata
 - II Menahan individu yang menyertai komunis
 - III Mengawal sempadan negara
 - IV Menyekat kemaraan kuasa besar dunia
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 13 Kerajaan British telah memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan untuk menghadapi ancaman komunis.
Apakah tindakan yang diambil untuk menjayakan sistem tersebut?
- A Pendaftaran parti yang sah
 - B Penggunaan kad pengenalan
 - C Menubuhkan pasukan keselamatan
 - D Memastikan penduduk melapor diri

- 14 Apakah impak penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) terhadap pemimpin?
- A Meningkatkan kesedaran kerjasama politik
 - B Memegang jawatan dalam pentadbiran negara
 - C Mengehendkan keahlian kepada semua kaum
 - D Melonggarkan syarat kewarganegaraan
- 15 Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu?
- A Melaksanakan kempen pilihan raya
 - B Melatih penduduk tempatan mentadbir
 - C Merangka perlembagaan yang merdeka
 - D Membincangkan sistem pendidikan negara
- 16 Mengapakah keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) dilihat sebagai perkembangan amalan demokrasi di negara kita?
- A Dianggotai pelbagai kaum
 - B Dilantik oleh Majlis Raja-Raja
 - C Pemilihan oleh Gabenor British
 - D Pemimpin dipilih oleh rakyat
- 17 Siapakah wakil yang terlibat dalam misi rundingan kemerdekaan ke London?
- I Parti Negara
 - II Raja-raja Melayu
 - III Parti Perikatan
 - IV Orang Dagang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan situasi yang berlaku di negara kita.

Situasi 1	Pengenalan Persekutuan Tanah Melayu 1948
Situasi 2	Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955

Apakah kesan daripada situasi tersebut?

- A Imperialisme sentiasa diperluaskan
- B Pentadbiran Tentera British mula diperkenalkan
- C British mengukuhkan kedudukan di negara kita
- D Negara menuju ke arah berkerajaan sendiri

19 Sebutir pingat emas telah dihadiahkan kepada Tunku Abdul Rahman pada malam sambutan kemerdekaan.

Apakah ukiran yang terdapat pada pingat tersebut?

- A Nama pemimpin negara
- B Slogan sambutan kemerdekaan
- C Peta Semenanjung Tanah Melayu
- D Bendera Persekutuan Tanah Melayu

20 Apakah matlamat penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)?

- A Memasarkan hasil pertanian
- B Memulihkan tanah di kawasan luar bandar
- C Memajukan tanah baharu secara besar-besaran
- D Menjalankan penyelidikan pertanian

21 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri negara yang berdaulat.

- X
- Mempunyai sempadan
- Mempunyai perundangan
- Mempunyai pemerintahan

Apakah X?

- A Mempunyai rakyat
- B Mempunyai ketua negara
- C Mempunyai lambang negara
- D Mempunyai kerajaan

22 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah mempertahankan kedaulatan negara.

- Mewujudkan kestabilan politik
- Menjamin kemakmuran ekonomi

Bagaimanakah pemerintah mencapai matlamat tersebut?

- A Menyertai pasukan keselamatan
- B Mengelakkan amalan rasuah
- C Menubuhkan parti politik baharu
- D Menunjukkan ketaksuban pada parti


- 23 Apakah asas pembentukan perlembagaan negara kita?
- I Undang-undang Inggeris
 - II Undang-undang Negeri Melayu
 - III Undang-undang adat
 - IV Undang-undang lisan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 24 Mengapakah pindaan perlembagaan pada tahun 1965 dilakukan?
- A Pelaksanaan darurat
 - B Pemisahan Singapura
 - C Pembentukan Malaysia
 - D Pengukuhan institusi beraja
- 25 Gambar berikut menunjukkan cap Mohor Besar Raja-Raja.



Apakah kepentingan cap mohor tersebut?

- A Mewartakan undang-undang digubal Parlimen
 - B Melambangkan kedaulatan Raja-raja Melayu
 - C Mengesahkan pelantikan Jemaah Menteri
 - D Mengiktiraf kerajaan yang dipilih rakyat
- 26 Mengapakah hakim tidak dibenarkan terlibat dalam bidang politik?
- A Menjaga keselamatan diri
 - B Mengelakkan pertindihan tugas
 - C Mengutamakan kes-kes mahkamah
 - D Menjamin keadilan undang-undang

- 27 Rajah berikut berkaitan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.



Mengapakah berlaku pembahagian kuasa tersebut?

- A Menjaga kebajikan rakyat
 - B Mengukuhkan institusi beraja
 - C Melicinkan sistem pentadbiran
 - D Memantapkan pertahanan negara
- 28 Bagaimanakah kerajaan melaksanakan pemuliharaan khazanah laut di kepulauan negara kita?
- A Memajukan sektor perikanan
 - B Membaiki sistem perhubungan
 - C Mewartakan sebagai taman laut
 - D Menyediakan panduan laluan kapal
- 29 Maklumat berikut merupakan cadangan Lord Brassey, Pengarah Syarikat Berpiagam Borneo Utara.

Penggabungan Sarawak, Sabah, Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat menjadi tanah jajahan besar.

Mengapakah cadangan tersebut dibuat?

- A Melaksanakan dekolonisasi
 - B Pentadbiran strategik
 - C Menjimatkan kos
 - D Potensi ekonomi
- 30 Usul pembentukan Malaysia telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 16 Oktober 1961. Apakah reaksi terhadap pembentangan usul tersebut?
- A Menerangkan tujuan gagasan
 - B Meninjau pandangan pemimpin
 - C Menggubal perundangan baharu
 - D Mendapatkan sokongan ahli dewan

- 31 Mengapakah negeri Sabah dan Sarawak menghadapi cabaran sosioekonomi walaupun mempunyai kekayaan hasil bumi?
- A Pengamalan ekonomi sara diri
 - B Kekurangan ilmu pengetahuan
 - C Kejatuhan harga bahan mentah
 - D Pengabaian oleh pihak penjajah
- 32 Bagaimanakah kerajaan mengatasi ancaman komunis melalui perang saraf?
- A Memberi tawaran pengampunan
 - B Mengisytiharkan perintah darurat
 - C Memperbesar pasukan keselamatan
 - D Mengenakan hukuman mati
- 33 Maklumat berikut berkaitan sukan yang dianjurkan di negara kita.

- Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
- Sukan Malaysia (SUKMA)

Apakah tujuan penganjuran sukan tersebut?

- A Memajukan ekonomi negara
 - B Memperkukuh perpaduan rakyat
 - C Memajukan industri pelancongan
 - D Membina masyarakat berdaya saing
- 34 Gambar berikut menunjukkan logo sambutan 50 tahun Rukun Negara.



Apakah maksud warna biru pada logo tersebut?

- A Amalan perpaduan dalam kesopanan dan kesusilaan
- B Kesetiaan kepada raja dan negara
- C Agama sebagai panduan hidup
- D Kedaulatan undang-undang

35 Bagaimanakah kerajaan berjaya menurunkan kadar kemiskinan di Malaysia?

- I Membuka peluang pekerjaan
 - II Menyekat kemasukan imigran
 - III Menyediakan kemudahan pinjaman
 - IV Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

36 Senarai berikut berkaitan dengan industri kereta dan motosikal buatan Malaysia.

- PROTON
- PERODUA
- MODENAS

Apakah kesan pertumbuhan industri tersebut terhadap negara?

- A Memajukan bandar terancang
B Melahirkan golongan korporat
C Meningkatkan pendapatan rakyat
D Mengukuhkan pertahanan negara

37 Maklumat berikut berkaitan dengan pengamalan dasar luar Malaysia.

- Bebas dan berkecuali
- Menjalin hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi

Apakah faktor yang mempengaruhi dasar luar tersebut?

- A Ikatan sejarah
B Persekitaran luar
C Kepentingan nasional
D Kebijaksanaan pemimpin

- 38 Pada tahun 1992, Malaysia telah membangkitkan isu Bosnia dan Herzegovina yang sedang ditekan oleh Serbia dalam Sidang Kemuncak NAM di Jakarta, Indonesia.

Apakah kesan daripada tindakan Malaysia tersebut?

- A Pemimpin PBB ditukar
 - B Bantuan ketenteraan disekat
 - C Kerjasama ekonomi dihentikan
 - D Keahlian Yugoslavia digantung
- 39 Maklumat berikut berkaitan dengan tuntutan pertindihan sempadan.

Negara Terlibat	Tuntutan
Malaysia dengan Singapura	Pulau Batu Putih
Malaysia dengan Indonesia	Pulau Sipadan dan Ligitan

Bagaimanakah tuntutan tersebut diselesaikan?

- A Mendapatkan bantuan INTERPOL
 - B Menandatangani perjanjian damai
 - C Melalui keputusan Mahkamah Antarabangsa
 - D Meminta campur tangan agensi bukan kerajaan
- 40 Malaysia berpandangan bahawa terdapat pertubuhan dunia yang tidak mampu melindungi hak dan kedudukan negara kecil yang sedang membangun.

Apakah pertubuhan tersebut?

- I Komanwel
 - II NAM
 - III PBB
 - IV OIC
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT